



# PARLIMEN MALAYSIA



**RANG UNDANG-UNDANG**  
**Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985**  
**DR.31/1985**

## RANG UNDANG-UNDANG

## bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Syarikat Kewangan (Pindaan) 1985.

Tajuk ringkas.

2. Akta Syarikat Kewangan 1969, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 16 dengan seksyen baru 16 yang berikut:

Pindaan seksyen 16.  
Akta 6.

"Menunjuk dan menyirikan akaun. 16. (1) Tiap-tiap syarikat kewangan berlesen hendaklah—

(a) menunjukkan di suatu tempat yang mudah dilihat di tiap-tiap pejabat atau tempat perniagaan—

(i) satu salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian tahunan yang telah diaudit akhir sekali, bersama dengan apa-apa catatan mengenainya dan laporan juruaudit; dan

(ii) nama penuh semua pengarahnya;

(b) menyiarkan dalam masa empat belas hari selepas dibentangkan akaunnya di mesyuarat agong tahunannya dalam sekurang-kurangnya dua akhbar harian, iaitu satu dalam

Bahasa Malaysia dan satu lagi dalam bahasa Inggeris yang diterbitkan di Persekutuan dan diluluskan oleh Bank Negara, satu salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian tahunannya yang diaudit akhir sekali, bersama dengan apa-apa catatan mengenainya, dan laporan juruaudit; dan

(c) dalam masa enam bulan selepas ditutup tiap-tiap satu tahun kewangan atau apa-apa tempoh selanjutnya sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara, menghantar kepada Bank Negara dua salinan bagi tiap-tiap satu kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian yang telah diaudit akhir sekali, bersama dengan apa-apa catatan mengenainya dan laporan-laporan juruaudit dan pengarah-pengarah.

(2) Bentuk dan kandungan kunci kira-kira, akaun keuntungan dan kerugian dan laporan pengarah-pengarah hendaklah sebagaimana yang diluluskan oleh Bank Negara.

(3) Bank Negara boleh menghendaki sesuatu syarikat kewangan berlesen mengemukakan apa-apa maklumat lanjut atau tambahan sebagaimana yang difikirkannya perlu sama ada dengan jalan penjelasan, penghuraian atau lain-lain berkenaan dengan kunci kira-kira dan akaun keuntungan dan kerugian yang dihantar oleh syarikat kewangan itu di bawah perenggan (c) subseksyen (1) dan maklumat itu hendaklah diemukakan dalam apa-apa tempoh dan dengan apa-apa cara sebagaimana yang dikehendaki oleh Bank Negara.

(4) Sesuatu syarikat kewangan berlesen yang tidak mematuhi peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit.”

**3. Seksyen 18 Akta ibu adalah dipinda dengan—**Pindaan  
seksyen 18.

(a) menomborkan semula subseksyen (5) dan (6) yang sedia ada masing-masing sebagai subseksyen (7) dan (8); dan

(b) memasukkan selepas sahaja subseksyen (4), subseksyen baru (5) dan (6) yang berikut:

“(5) Sesuatu syarikat kewangan berlesen yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah bertanggungjawab membayar, apabila diminta berbuat demikian oleh Bank Negara, suatu bayaran bunga penalti tidak lebih daripada satu persepuluh daripada satu peratus amaun kekurangan bagi tiap-tiap hari kekurangan itu berterusan.

(6) Sesuatu syarikat kewangan berlesen yang tidak mematuhi atau enggan membayar bayaran bunga penalti di bawah subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.”.

**4. Seksyen 19 Akta ibu adalah dipinda dengan—**Pindaan  
seksyen 19.

(a) menomborkan semula subseksyen (3) yang sedia ada sebagai subseksyen (5); dan

(b) memasukkan selepas sahaja subseksyen (2), subseksyen baru (3) dan (4) yang berikut:

“(3) Sesuatu syarikat kewangan berlesen yang tidak mematuhi mana-mana peruntukan seksyen ini adalah bertanggungjawab membayar, apabila diminta berbuat demikian oleh Bank Negara, suatu bayaran bunga penalti tidak lebih daripada satu persepuluh daripada satu peratus amaun aset berbahaya yang dipegang berlebihan daripada amaun yang ditetapkan di bawah subseksyen (1) bagi tiap-tiap hari kesalahan itu berterusan.

(4) Sesuatu syarikat kewangan berlesen yang tidak mematuhi atau enggan membayar bayaran bunga penalti di bawah subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta ini.”.

Pindaan  
seksyen 20.

5. Seksyen 20 Akta itu adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut:

“(1) Tiada satupun syarikat kewangan berlesen boleh memberi pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit tak bercagar yang melebihi pada agregatnya dan belum jelas pada sesuatu masa, lima ribu ringgit kepada mana-mana orang, melainkan kepada syarikat kewangan berlesen, bank atau mana-mana institusi kewangan lain yang diluluskan oleh Bank Negara.”.

Seksyen  
baru 21A.

6. Akta itu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 21, seksyen baru 21A yang berikut:

“Penga-  
walan had  
kredit.

21A. (1) Seseorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu syarikat kewangan berlesen tidaklah boleh memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit yang melebihi had kuasanya atau berlawanan dengan mana-mana arahan yang dikenakan oleh syarikat kewangan berlesen itu.

(2) Bagi maksud seksyen ini, Menteri dengan notis bertulis boleh mengarahkan sesuatu syarikat kewangan berlesen supaya mengemukakan apa-apa maklumat yang berhubungan dengan polisi dan prosedurnya mengenai pemberian apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit, khususnya had-had kuasa seseorang pengarah, pengurus atau pekerja syarikat kewangan berlesen itu atau apa-apa perubahan mengenainya dari semasa ke semasa:

Dengan syarat bahawa Menteri hendaklah mempunyai kuasa bagi mengarahkan sesuatu syarikat kewangan berlesen supaya meminda prosedur yang diikuti oleh syarikat kewangan berlesen itu dalam memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit, termasuklah had-had kuasa berkenaan dengan pemberian tersebut.

(3) Seseorang yang melanggar apa-apa peruntukan seksyen ini atau apa-apa arahan yang dikeluarkan di bawah seksyen ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada dua puluh ribu ringgit atau penjara selama suatu tempoh tidak lebih dari tiga tahun atau denda dan penjara itu kedua-duanya.”.

**7. Seksyen 25 Akta ibu adalah dipinda dengan—**

Pindaan  
seksyen 25.

(a) memasukkan selepas sahaja subseksyen (1), subseksyen baru (2) yang berikut:

“(2) Tiap-tiap syarikat kewangan berlesen hendaklah menghantar kepada Bank Negara mengikut apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara, suatu penyata yang menunjukkan maklumat kredit pelanggan-pelanggannya sebagaimana yang dikehendaki bagi maksud-maksud biro kredit yang ditubuhkan di bawah perenggan (mmm) subseksyen (1) seksyen 30 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 pada apa-apa lat tempoh dan dalam apa-apa tempoh sebagaimana yang ditetapkan dengan notis bertulis dari semasa ke semasa oleh Bank Negara.”; dan

Ord. 61/58.

(b) menomborkan semula subseksyen (2) yang sedia ada sebagai subseksyen (3).

**8. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 28 dengan yang berikut:**

Pindaan  
seksyen 28.

28. Tiap-tiap syarikat kewangan berlesen hendaklah memberitahu Menteri melalui Bank Negara mengenai apa-apa—

“Sanksi dikehendaki bagi menyusun semula syarikat, dsb.

(a) perkiraan atau perjanjian yang dicadangkan—

(i) untuk menjual atau melupuskan syer-syer atau perniagaannya; atau

(ii) mengenai kuasa mengundi, pengurusan atau perkara-perkara lain,

yang akan mengakibatkan sesuatu perubahan dalam pengawalan atau pengurusan syarikat kewangan berlesen itu;

(b) skim yang dicadangkan bagi menyusun semula syarikat itu dalam mana kesemua atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan atau harta syarikat kewangan berlesen itu akan dipindahmilik kepada suatu perbadanan lain; atau

(c) skim yang dicadangkan bagi menyatukan, mencantumkan atau selainnya di antara syarikat kewangan berlesen itu dengan sesuatu perbadanan lain, dalam mana kesemua atau mana-mana bahagian daripada pengusahaan atau harta syarikat kewangan berlesen itu akan dipindahmilik kepada suatu perbadanan lain,

dan Menteri, atas syor Bank Negara, boleh meluluskan atau enggan membenarkan perkiraan, perjanjian atau skim yang dicadangkan itu:

Dengan syarat bahawa kelulusan Menteri itu tidak boleh ditahan secara tidak berpatutan.”.

Seksyen  
baru 28A,  
28B, 28C,  
28D, 28E,  
28F dan  
28G.

9. Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 28, seksyen baru 28A, 28B, 28C, 28D, 28E, 28F dan 28G yang berikut:

“Perolehan  
pemegangan  
lima  
peratus.

28A. (1) Tanpa menyentuh seksyen 28 dan tertakluk kepada seksyen 28B, tiada seorang pun boleh melibatkan diri dalam sesuatu perkiraan atau perjanjian, secara formal atau tak formal, dengan nyata atau tersirat, untuk memperolehi apa-apa kepentingan dalam syer-syer syarikat kewangan berlesen yang mana dia akan, jika perkiraan atau perjanjian

itu dijalankan, mendapat kepentingan agregat dalam syer yang tidak kurang daripada lima peratus daripada syer yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan berlesen itu tanpa kelulusan terdahulu daripada Menteri akan penglibatannya dalam perkiraan atau perjanjian tersebut.

(2) Permohonan untuk kelulusan di bawah seksyen ini hendaklah dihantar kepada Bank Negara dan selepas itu Bank Negara hendaklah mengemukakan permohonan tersebut bersama dengan syornya kepada Menteri.

(3) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai *mutatis mutandis* kepada apa-apa perkiraan atau perjanjian yang kemudiannya untuk memperolehi apa-apa kepentingan dalam syer-syer syarikat kewangan berlesen tersebut sebagai tambahan kepada syer-syer yang kelulusan berkenaan dengannya telah diberi oleh Menteri di bawah seksyen ini.

Pemegangan maksimum yang dibenarkan.

28B. (1) Tiada seorang pun boleh memegang lebih daripada peratusan yang ditetapkan yang berikut dalam syer-syer yang dikeluarkan oleh sesuatu syarikat kewangan berlesen :

(a) dalam hal seorang individu, sepuluh peratus; dan

(b) dalam hal seseorang, selain daripada seorang individu, dua puluh peratus.

(2) Bagi maksud seksyen ini dalam mengira pemegangan seseorang yang berikut hendaklah disifatkan pemegangan orang itu :

(a) di mana orang itu adalah seorang individu, pemegangan isteri atau suaminya, anaknya atau syarikat keluarganya (iaitu suatu syarikat di mana lebih daripada separuh syer-syer yang dikeluarkan oleh syarikat itu dikawal oleh individu itu, isterinya atau

suaminya atau anaknya secara individu atau bersesama dengan salah seorang atau lebih daripada orang-orang yang disebutkan itu);

(b) di mana seseorang itu adalah suatu perbadanan, pemegangan oleh perbadanan-perbadanan yang berhubungan sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 6 Akta Syarikat 1965;

(c) di mana seseorang itu adalah suatu pertubuhan yang didaftarkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan koperasi, pemegangan oleh subsidiari-subsidiarinya sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Koperasi 1948, dan perbadanan-perbadanan yang berhubungan dengan mana-mana subsidiari-subsidiarinya itu dengan cara sebagaimana ditakrifkan dalam seksyen 6 Akta Syarikat 1965;

(d) di mana seseorang itu adalah suatu perbadanan, pemegangan oleh mana-mana perbadanan dalam mana orang itu mempunyai kedudukan untuk mengawal tidak kurang daripada dua puluh peratus daripada kuasa mengundi dalam perbadanan itu.

Pemegangan yang dilarang dibuat oleh syarikat kewangan berlesen.

28C. (1) Sesuatu syarikat kewangan berlesen tidaklah boleh memegang apa-apa kepentingan dalam syer-syer suatu syarikat kewangan berlesen lain atau subsidiarinya, suatu bank atau suatu subsidiari bagi suatu bank yang tak berhubungan.

(2) Bagi maksud seksyen ini, "tak berhubungan" ertinya tidak berhubungan dalam erti seksyen 6 Akta Syarikat 1965.

Kepentingan dalam syer.

28D. Bagi maksud seksyen 28A, 28B dan 28C, seseorang yang memperoleh atau memegang, mengikut mana yang berkenaan, suatu kepentingan dalam sesuatu syer jika dia memperoleh atau memegang apa-apa kepentingan

di sisi undang-undang atau ekuiti dalam syer itu dan apa-apa hak untuk menggunakan atau mengawal penggunaan sesuatu hak yang dilekapkan pada syer itu (tidak termasuk proksi untuk mengundi atas sesuatu syer) adalah disifatkan sebagai kepentingan dalam sesuatu syer.

Kuasa untuk mengecualikan.

28E. Menteri, atas syor Bank Negara dan bertanggung kepada apa-apa syarat sebagaimana yang disifatkannya patut dikenakan, boleh mengecualikan, keseluruhan atau sebahagiannya, mana-mana orang daripada peruntukan-peruntukan Bahagian ini.

Kesalahan dan penalti.

28F. (1) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen 28A, 28B atau 28C (dalam seksyen ini disebut "pemegang ingkar") adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima puluh ribu ringgit.

(2) Apa-apa kepentingan dalam syer yang diperolehi atau dipegang oleh mana-mana pemegang ingkar dengan melanggar mana-mana peruntukan seksyen 28A, 28B atau 28C hendaklah, apabila pemegang ingkar itu disabitkan di bawah seksyen ini atau apabila kesalahan itu dikompaunkan di bawah seksyen 43A, dilupuskan mengikut peluang terawal yang sesuai, tetapi tidak lewat dari enam bulan selepas sabitan atau kompaun itu, atau suatu tempoh yang lebih lama lagi sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri dalam mana-mana hal yang tertentu.

(3) Penggunaan mana-mana hak mengundi atau lain-lain hak, termasuklah, tetapi tidak terhad kepada, penerimaan atau persetujuan apa-apa bayaran sebanyak apa-apa jumlah wang atau apa-apa hak terbitan yang dilekapkan pada mana-mana kepentingan dalam syer di bawah seksyen ini hendaklah terhenti daripada digunakan oleh seseorang pemegang ingkar apabila dia disabitkan atau kesalahan itu dikompaunkan.

(4) Jika seseorang pemegang ingkar tidak mematuhi atau bertindak dengan melanggar subseksyen (2) atau (3), Menteri, atau mana-mana orang yang diberikuasa bagi pihaknya boleh memohon kepada Mahkamah Tinggi untuk suatu perintah mengarahkan pemegang ingkar supaya mematuhi subseksyen tersebut.

**Kecualian.** 28G. Tiada apa-apa jua dalam seksyen 28A, 28B dan 28C boleh mentaksahkan apa-apa pemerolehan atau pemegangan apa-apa kepentingan dalam syer mana-mana perbadanan di bawahnya sebelum mula berkuatkuasanya seksyen-seksyen tersebut tadi yang sebaliknya akan menjadi sah di bawah mana-mana peruntukan lain dalam Bahagian ini.”.

Seksyen  
baru 33A.

**10. Akta** ibu adalah dipinda dengan memasukkan selepas sahaja seksyen 33, seksyen baru 33A yang berikut :

“Pinjaman  
kepada  
syarikat  
kewangan  
berlesen  
dan pemer-  
olehan  
syer-  
syernya.  
Ord. 61/58.

33A. (1) Walau apa pun peruntukan-peruntukan perenggan (b), (c) dan (d) seksyen 31 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958 tetapi tanpa menjejaskan seksyen 42 Ordinan Bank Negara Malaysia 1958, Bank Negara dengan persetujuan Menteri boleh—

(a) memberi pinjaman-pinjaman kepada sesuatu syarikat kewangan berlesen dengan bercagarkan syer; atau

(b) membeli apa-apa syer sesuatu syarikat kewangan berlesen bagi maksud mengawal perniagaan syarikat kewangan berlesen itu,

jika Bank Negara berpendapat bahawa syarikat kewangan berlesen itu—

(i) berkemungkinan tidak berupaya menunaikan liabiliti-liabilitinya; atau

(ii) sedang hendak menggantung pembayaran.

(2) Bank Negara hendaklah melupuskan mana-mana syer yang dibeli olehnya menurut subseksyen (1) pada bila-bila masa Bank Negara berpuashati bahawa sebab-sebab pembelannya tidak wujud lagi.

(3) Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen ini, Menteri atau Bank Negara, mengikut mana yang berkenaan, boleh mendapat nasihat daripada Panel Penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2) seksyen 31A Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.”.

**11.** Peruntukan-peruntukan penalti yang berikut yang terdapat dalam Akta ibu adalah dipinda dengan—

Pindaan  
kepada  
seksyen 3,  
8, 13, 24,  
25, 32, 35,  
39, 40 dan  
43.

(a) memasukkan selepas sahaja perkataan “denda” dalam seksyen 8 (4) perkataan-perkataan “tidak lebih daripada lima ribu ringgit dan denda”;

(b) menggantikan perkataan-perkataan “lima ribu ringgit” yang terdapat dalam seksyen 3 (2), 8 (4), 39 (3) dan 40 (1) dengan perkataan-perkataan “dua puluh ribu ringgit”;

(c) menggantikan perkataan-perkataan “lima ratus ringgit” yang terdapat dalam seksyen 13 (2) dengan perkataan-perkataan “dua ribu ringgit”;

(d) menggantikan perkataan-perkataan “dua ribu ringgit” yang terdapat dalam seksyen 43 dengan perkataan-perkataan “lima ribu ringgit”; dan

(e) menggantikan perkataan-perkataan “seribu ringgit” yang terdapat dalam seksyen 24 (2), 25 (2), 32 (2) dan 35 (2) dengan perkataan-perkataan “empat ribu ringgit”.

**12.** Teks Bahasa Kebangsaan bagi Akta ibu adalah dipinda—

Mengemas-  
kinikan  
istilah-istilah  
dalam teks  
Bahasa  
Kebangsaan.

(a) tertakluk kepada perenggan (b), dengan menggantikan perkataan-perkataan “sa-buah”, “sa-sabuah” dan “Sa-sabuah” di mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan-perkataan “suatu”, “sesuatu” dan “Sesuatu”;

(b) dengan menggantikan perkataan “sa-buah” dalam seksyen 9 (1) (c) dan 18 (3) dan perkataan “sa-sabuah” dalam seksyen 10, 11, 17, 19 (1) dan 22 (1) masing-masing dengan perkataan-perkataan “satu” dan “satunya”;

- (c) menggantikan perkataan-perkataan “sharikat-pecahan”, “sharikat-pecahan-nya”, “sharikat-pecahan kepunyaan-penoh-nya” dan “sharikat<sup>2</sup>-pecahan kepunyaan-penoh-nya” dalam seksyen 2 (takrif “perniagaan kewangan”) dan 10 (termasuk dalam nota birai) masing-masing dengan perkataan-perkataan “subsidiari”, “subsidiarinya”, “subsidiari milikan penuhnya” dan “subsidiari-subsidiari milikan penuhnya”;
- (d) tertakluk kepada perenggan (s), menggantikan perkataan-perkataan “tanggungan”, “tanggungan<sup>2</sup>”, “tanggungan-nya” dan “tanggungan<sup>2</sup>-nya” di mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan-perkataan “liabiliti”, “liabiliti-liabiliti”, “liabilitinya” dan “liabiliti-liabilitinya”;
- (e) menggantikan perkataan “tata-urusan” dalam nota birai kepada seksyen 14 dan perkataan “tata-urusan-nya” dalam seksyen 7 (1) (a) dan 14 masing-masing dengan perkataan-perkataan “perkara persatuan” dan “perkara persatuan-nya”;
- (f) menggantikan perkataan “mungkir” di mana jua terdapat dalamnya dengan perkataan “tidak”;
- (g) dengan menggantikan perkataan-perkataan “jumlah” dalam seksyen 17, 20 (2) (c) (i), “Jumlah” dalam seksyen 18 (2) dan “banyak-nya” dalam seksyen 48 (e) masing-masing dengan perkataan-perkataan “amaun”, “Amaun” dan “amaun”;
- (h) dengan menggantikan perkataan-perkataan “sekshen-kechil” dan “Sekshen-kechil” di mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan-perkataan “subseksyen” dan “Subseksyen”;
- (i) dengan menggantikan perkataan “dilemahkan” dalam seksyen 19 (2) dengan perkataan “tercacat”;
- (j) dengan menggantikan perkataan “perbahasaan” dalam seksyen 20 (2) dan 44 (2) dengan perkataan “ungkapan”;

- (k) dengan menggantikan perkataan-perkataan “di-rujok sa-bagai” dalam seksyen 2 (takrif “per-niagaan kewangan”) dan perkataan “rujokan” dalam seksyen 27 (2) dan 36 masing-masing dengan perkataan-perkataan “disebut” dan “sebutan”;
- (l) menggantikan perkataan-perkataan “kumpulan wang chadang” di mana jua terdapat dalam seksyen 15 (termasuk nota birai kepadanya) dengan perkataan-perkataan “kumpulan wang rizab”;
- (m) menggantikan perkataan-perkataan “aset ke-chairan” dalam seksyen 18 (termasuk nota birai kepadanya) dan 19 masing-masing dengan perkataan-perkataan “aset cair”;
- (n) menggantikan perkataan-perkataan “kemudahan kredit, pinjaman atau pendahuluan”, “kemudahan<sup>2</sup> kredit, pinjaman dan pendahuluan” dan “kemudahan kredit atau pendahuluan” di mana jua terdapat dalamnya masing-masing dengan perkataan-perkataan “pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit”, “pinjaman, pendahuluan dan kemudahan-kemudahan kredit” dan “pendahuluan atau kemudahan kredit”;
- (o) menggantikan perkataan-perkataan “harta yang tak boleh di-aleh” dan “harta tak boleh di-aleh” dalam seksyen 20 dan 22 masing-masing dengan perkataan-perkataan “harta tak alih”;
- (p) menggantikan perkataan-perkataan “kongsi” dan “kongsi<sup>2</sup>” dalam seksyen 23 (1) (b) dan 48 (d) masing-masing dengan perkataan-perkataan “pekongsi” dan “pekongsi-pekongsi”;
- (q) menggantikan perkataan-perkataan “orang persaoangan” dalam seksyen 23 (1) (b) dan (f) dengan perkataan “individu”;
- (r) menggantikan perkataan-perkataan “tugas<sup>2</sup>” dan “tugas<sup>2</sup>-nya” dalam seksyen 25 (1) dan 41 masing-masing dengan perkataan-perkataan “fungsi-fungsi” dan “fungsi-fungsinya”;

- (s) menggantikan perkataan “tanggungan<sup>2</sup>-nya” dalam seksyen 26 dengan perkataan “obligasi-obligasinya”;
- (t) menggantikan perkataan-perkataan “sipiutang<sup>2</sup>-nya” dan “sipiutang-nya” dalam seksyen 26 dan 31 masing-masing dengan perkataan-perkataan “pemiutang-pemuitanganya” dan “pemiutangnya”;
- (u) menggantikan perkataan “urusan<sup>2</sup>” dalam seksyen 29 dan 30 dengan perkataan “transaksi-transaksi”;
- (v) menggantikan perkataan “melihat” dalam seksyen 32 (1) dengan perkataan-perkataan “akses kepada”;
- (w) menggantikan perkataan “suratan<sup>2</sup>-nya” dalam seksyen 32 (1) dengan perkataan “dokumen-dokumennya”;
- (x) menggantikan perkataan-perkataan “penjawat awam” dalam seksyen 32 (3) dengan perkataan-perkataan “pengkhidmat awam”;
- (y) menggantikan perkataan-perkataan “menyelesaikan urusan” dan “urusan hal ehwalnya telah diselesaikan” dalam seksyen 33 (iv) dan 39 (2) masing-masing dengan perkataan-perkataan “menggulung” dan “hal-ehwalnya telah digulung”;
- (z) menggantikan perkataan “Gantirugi.” dalam nota birai kepada seksyen 38 dengan perkataan “Indemniti.”;
- (aa) menggantikan perkataan-perkataan “langkah pembicharaan” dalam seksyen 40 (2) dengan perkataan “prosiding”;
- (ab) menggantikan perkataan-perkataan “sharikat kerjasama” dan “sharikat<sup>2</sup> kerjasama” dalam seksyen 46 masing-masing dengan perkataan-perkataan “koperasi” dan “koperasi-koperasi”;
- (ac) menggantikan perkataan-perkataan “sa-orang manusia persaorangan” dalam seksyen 47 (4) dengan perkataan-perkataan “orang sebenar dan individu”;

(ad) menggantikan perkataan "pertelingkahan" dalam seksyen 49 dengan perkataan "percanggahan".

### HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk meminda Akta Syarikat Kewangan 1969 bagi maksud-maksud yang dinyatakan di bawah ini.

2. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 16 Akta menghendaki supaya bentuk dan kandungan akaun-akaun tahunan bagi syarikat kewangan berlesen hendaklah seperti yang diluluskan oleh Bank Negara.

3. *Fasal 3* dan *4* melibat pindaan-pindaan masing-masing kepada seksyen 18 dan 19 Akta yang menjadikan syarikat-syarikat kewangan berlesen bertanggung membayar, apabila diminta berbuat demikian, suatu bayaran bunga penalti yang dihitung mengikut asas harian.

4. *Fasal 5* meminda seksyen 20 Akta tersebut bagi melarang sesuatu syarikat kewangan berlesen memberi kemudahan-kemudahan kredit tak bercagar melebihi lima ribu ringgit melainkan kepada syarikat-syarikat kewangan berlesen yang lain, bank atau mana-mana institusi kewangan lain yang diluluskan oleh Bank Negara.

5. *Fasal 6* bertujuan mengemukakan seksyen 21A baru kepada Akta bagi melarang seseorang pengarah, pengurus atau pekerja sesuatu syarikat kewangan berlesen daripada memberi apa-apa pendahuluan, pinjaman atau kemudahan kredit melebihi had yang dia dibenarkan memberi atau berlawanan dengan apa-apa arahan yang dikenakan oleh syarikat kewangan berlesen itu.

6. *Fasal 7* bertujuan memasukkan satu peruntukan ke dalam seksyen 25 Akta dengan menghendaki syarikat-syarikat kewangan berlesen supaya memberi maklumat kredit pelanggan-pelanggan mereka kepada biro kredit yang ditubuhkan di bawah seksyen 30 (1) (*mm*) Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

7. *Fasal 8* bertujuan meminda seksyen 28 Akta bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perkiraan atau perjanjian yang dicadang yang melibatkan kuasa mengundi, pengurusan atau lain-lain perkara yang akan menyebabkan perubahan dalam pengawalan atau pengurusan syarikat kewangan berlesen, perlulah mendapat kelulusan Menteri Kewangan, atas syor Bank Negara.

8. *Fasal 9* bertujuan mengemukakan seksyen baru 28A, 28B, 28C, 28D, 28E, 28F dan 28G kepada Akta—

(a) bagi melarang seseorang daripada melibatkan diri dalam apa-apa perkiraan atau perjanjian bagi memperolehi suatu pemegangan syer yang apabila diagregatkan dengan

pemegangan syer yang sedia ada akan berjumlah tidak kurang daripada lima peratus syer-syer yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan berlesen itu tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan Menteri, atas syor Bank Negara;

- (b) bagi memperuntukkan bahawa had-had pemegangan syer akan disekat kepada pemegangan maksimum yang dibenarkan sebanyak sepuluh peratus dalam hal individu-individu, dan dua puluh peratus dalam hal perbadanan, koperasi atau lain-lain;
- (c) bagi melarang pemegangan silang oleh syarikat-syarikat kewangan berlesen dalam syarikat-syarikat kewangan lain atau subsidiari-subsidiari mereka, bank atau subsidiari-subsidiari bank yang bukan dalam kumpulan mereka;
- (d) bagi memperuntukkan bahawa apa-apa perolehan atau pemegangan apa-apa kepentingan dalam syer mana-mana syarikat kewangan berlesen sebelum berkuatkuasanya pindaan-pindaan itu, tidak akan menjadi tak sah.

9. *Fasal 10* bertujuan untuk mengemukakan seksyen baru 33A kepada Akta, untuk membenarkan Bank Negara, dengan persetujuan Menteri Kewangan, memberi pinjaman kepada sesuatu syarikat kewangan berlesen terhadap cagaran syer itu atau untuk membeli apa-apa syer sesuatu syarikat kewangan berlesen untuk mengawal perniagaan syarikat kewangan itu, jika Bank Negara berpendapat bahawa syarikat kewangan berlesen itu berkemungkinan tidak berupaya menjelaskan liabiliti-liabilitinya atau hampir hendak menggantung pembayaran. Menteri atau Bank Negara dalam mengambil tindakan di bawah seksyen ini, boleh mendapat nasihat daripada Panel Penasihat yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2) seksyen 31A Ordinan Bank Negara Malaysia 1958.

10. *Fasal 11* mengandungi pindaan kepada berbagai peruntukan Akta yang disebutkan dalam fasal tersebut bagi membuat peruntukan untuk menambah penalti maksimum bagi berbagai pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Akta. Penalti maksimum yang sedia ada belum pernah ditambah sejak mula berkuatkuasanya Akta.

11. *Fasal 12* bertujuan mengemaskinikan istilah-istilah yang digunakan dalam teks Bahasa Kebangsaan oleh kerana sejak terkanunnya undang-undang ibu dalam tahun 1969, istilah-istilah yang berkenaan yang merujuk kepada perkara-perkara yang sama seperti yang terkandung dalam fasal itu telah berubah. Pindaan-pindaan ini, bagaimanapun tidak menjejaskan isi kandungan undang-undang ibu itu.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan kewangan tambahan. [PN. (U<sup>2</sup>) 1300.]